

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 7 TAHUN 2017**

#### **PENGENAAN SYARAT TAMBAHAN KHAS BAGI PERMOHONAN MILIK TANAH UNTUK TUJUAN PERTANIAN**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 11/2017 yang bersidang pada 31 Mei 2017 melalui kertas Bil. 11/2017/MT 4 (71) telah meluluskan cadangan Pengenaan Syarat Tambahan Khas Bagi Permohonan Milik Tanah Untuk Tujuan Pertanian seperti berikut :-

- 1.1. Diluluskan tanah seluas 3 ekar (1.2141 ha) dan baki tidak melebihi 3 ekar dipertimbangkan kelulusan kepada waris terdekat mengikut tafsiran Pekeliling PTG Bil. 4/1994.

#### **ATAU**

- 1.2. Diluluskan tanah tidak lebih daripada 3 ekar (1.2141 ha) untuk tanaman komersial (seperti getah, kelapa sawit dan sebagainya) dan bakinya diluluskan untuk tanaman dusun (termasuk mendirikan bangunan) tidak melebihi 3 ekar dan hendaklah dicatit dan dimasukkan sebagai syarat nyata bersama selaras sebagaimana Seksyen 121 Kanun Tanah Negara 1965
- 1.3. Pemilik hendaklah mengusahakan "tanaman" dalam tempoh satu (1) hingga dan empat (4) tahun. Kerja pembersihan, penanaman, penyemaian, pembajaan dan penuaian atau apa-apa aktiviti pertanian lain hendaklah dimulakan dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh pendaftaran hakmilik. Sekiranya gagal hendaklah disifatkan sebagai pelanggaran syarat dan terikat dengan denda

sebanyak RM1,000.00 hingga RM1,500.00 se ekar. Pemilik hendaklah meremedikan pelanggaran syarat tersebut samada :-

- a) Mengembalikan tanah dengan syarat asal yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri bersekali dengan bayaran denda;

**ATAU**


- b) Membayar denda dan mengemukakan rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk meminda syarat di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara 1965 dan hendaklah tertakluk kepada pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

- 1.4. Kaedah pilihan dipara 1.1 dan 1.2 tersebut tertakluk kepada permohonan tanah sebelum daripada penguatkuasaan Pekeliling PTG Bil. 7/2015.
- 1.5. Hak penggunaan tanah dibawah tanah setakat 6 meter daripada permukaan bumi dari paras terendah tanah dalam sempadan hakmilik atau tertakluk apa-apa dasar semasa mengenainya yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (Seksyen 92B Kanun Tanah Negara 1965).
- 1.6. Pemberian milik tanah kerajaan ini tertakluk kepada Pengedaran Pesuruhjaya Tanah Kelantan Bil. 2/1961 yang membenarkan keluasan tanah kerajaan yang terlibat dengan rentahan haram tidak melebihi 6 ekar bagi setiap keluarga **DAN** hendaklah terbatal jika sekiranya mana-mana permohonan yang telah diluluskan bercanggah dengan dasar tersebut. **Walaupun bagaimanapun sekiranya tanah berkenaan telah pun didaftarkan hakmilik, maka tuan tanah tersebut hendaklah membayar tambahan tidak kurang daripada 3 kali ganda daripada premium biasa**

tetapi hendaklah tidak melebihi harga nilai pasaran semasa dan akan menjadi terhutang pada Pihak Berkuasa Negeri.

2. Bagi Tuan Punya tanah memilih kaedah dipara 1.2 Syarat Nyata Khas perlu dimasukkan didalam hakmilik bersama dengan para 1.5 dipekeliling ini sebagai tambahan kepada Pekeliling PTG Bil. 4/2015.

3. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri.



DATO' HAIL NAZRAN BIN MUHAMMAD, D.P.S.K (Kelantan)  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN

KEPADA :

*Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan*

SALINAN KEPADA :

1. *YAB Dato' Ustaz Menteri Besar Negeri Kelantan.*
2. *YB Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.*
3. *YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.*
4. *YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.*
5. *YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.*
6. *YM Dato' Tengku Kaya Perkasa  
Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan.*
7. *YABrs. Pengarah Pertanian Negeri Kelantan*
8. *YABrs. Pengarah Pengairan Dan Saliran  
Negeri Kelantan.*
9. *YABrs. Ketua Penolong Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.*

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.

FAIL NO. : PTG.KN 44/85 Jld. 4 ( 14 )  
BERTARIKH : 13 Ramadan 1438H  
08 Jun 2017